



26 April 2016  
26 April 2016  
P.U. (A) 113

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2016

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2016.**  
  
(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 April 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“bank Islam berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];

“institusi yang ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

“orang yang layak” ertinya seseorang individu yang bermastautin di Malaysia;

“perusahaan kecil dan sederhana” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995 [*Akta 539*];

“platform akaun pelaburan” ertinya suatu platform multibank yang membolehkan penyaluran dana yang dilaburkan oleh seseorang melalui suatu akaun pelaburan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

**Pengecualian**

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan keuntungan daripada pelaburan yang diterima oleh orang yang layak itu dalam tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama keuntungan itu diterima oleh orang yang layak itu.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) pelaburan itu dibuat dalam tempoh tiga tahun mulai 1 April 2016 hingga 31 Mac 2019;
- (b) pelaburan itu dibuat melalui platform akaun pelaburan yang ditubuhkan oleh bank Islam berlesen atau institusi yang ditetapkan dan dikendalikan oleh seseorang yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia;
- (c) pelaburan itu adalah untuk membiayai apa-apa usaha niaga atau projek dalam Malaysia dalam mana-mana industri atau sektor yang diusahakan oleh perusahaan kecil dan sederhana yang memenuhi kriteria yang berikut:
  - (i) seorang tuan punya tunggal warganegara Malaysia dan perniagaannya didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*];
  - (ii) suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*], dengan sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus sumbangan modalnya disumbangkan oleh warganegara Malaysia;

- (iii) suatu perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, dengan sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus sumbangan modalnya disumbangkan oleh warganegara Malaysia; atau
  - (iv) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dengan sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus modal saham biasanya yang diterbitkan dimiliki secara langsung oleh warganegara Malaysia;
- (d) usaha niaga atau projek yang berkenaan dengannya pelaburan itu dibuat ditaja oleh bank Islam berlesen atau institusi yang ditetapkan;
- (e) orang yang layak memperoleh pengesahan daripada orang yang mengendalikan platform akaun pelaburan mengenai keuntungan yang diterima daripada usaha niaga atau projek yang berkenaan dengannya pelaburan itu dibuat dan mengemukakan pengesahan itu kepada Ketua Pengarah; dan
- (f) usaha niaga atau projek yang berkenaan dengannya pelaburan itu dibuat tidak melibatkan mana-mana saudara-mara orang yang layak itu yang berikut:
- (i) suami atau isteri;
  - (ii) ibu atau bapa, termasuklah ibu tiri atau bapa tiri, dan ibu mertua atau bapa mertua;
  - (iii) anak, termasuklah anak tiri, atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang;